

527
SOALAN NO. 537

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :
DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [Permatang Pauh]
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan jumlah keseluruhan kes-kes buang anak luar
nikah mengikut negeri dan jumlah mangsa yang telah diberi perlindungan
bagi tempoh 2000-2015.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk mengatasi kes pembuangan anak luar nikah yang berlaku pada hari ini.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, kes pembuangan anak luar nikah atau buang bayi yang dilaporkan pada tahun 2011 sehingga Jun 2016 adalah seperti berikut, pada tahun 2011 adalah sebanyak 98 kes, tahun 2012 telah menurun kepada 89 kes. Tahun 2013 hingga 2015 telah meningkat semula, iaitu 90 kes pada tahun 2013, 103 kes pada tahun 2014 dan 111 kes pada tahun 2015. Pada tahun ini, kes pembuangan bayi yang dilaporkan sehingga Jun 2016 adalah sebanyak 77 kes. Jumlah keseluruhan kes bagi tempoh 2011 sehingga Jun 2016 adalah sebanyak 568 kes. Bagi tempoh tersebut, lima buah negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah negeri Selangor sebanyak 129 kes, diikuti dengan

Sabah sebanyak 73 kes, Johor sebanyak 67 kes, Kuala Lumpur sebanyak 52 kes dan Sarawak sebanyak 37 kes.

Berdasarkan statistik JKM, jumlah anak luar nikah yang masih hidup dan berjaya diselamatkan serta diberi perlindungan oleh JKM di bawah Seksyen 17(1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001 dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seramai **302** orang.